

# DBKL mahu kekal, pulihara Jalan Petaling - Ahmad Fuad

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhasrat mengekal dan memulihara kawasan perniagaan Jalan Petaling untuk menjadikannya destinasi pelancongan yang lebih menarik di negara ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, Jalan Petaling, yang menempatkan kira-kira 300 gerai, menjadi tumpuan ramai berikutan keunikan dan tradisinya yang dipelopori masyarakat Tionghua sehingga dikenali sebagai 'Chinatown'.

"Sekiranya gerai sekitar Jalan Petaling ini didominasi peniaga dan pekerja asing, Jalan Petaling tidak lagi mempunyai keistimewaan," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan tinjauan mesra ke kawasan itu hari ini.

Justeru, beliau meminta peniaga di Jalan Petaling agar tidak mengambil pekerja asing demi memelihara nilai dan tradisi di kawasan itu.

Mengenai kebimbangan peniaga berhubung pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) di kawasan itu, Ahmad Fuad meminta mereka melihat projek tersebut dari sudut positif, termasuk keupayaannya menjana pulangan lumayan untuk mereka berikutan peningkatan pengunjung ke situ.



**AHMAD Fuad Ismail bersama ahli Persatuan Penjaja dan Perniaga Kecil Cina pada lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke Jalan Petaling sempena Tahun Baru Cina dan Sambutan Hari Wilayah 2012 di Jalan Petaling, Kuala Lumpur, semalam.**

- UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

Projek itu, yang dilaksanakan MRT Corporation, meliputi kawasan Jalan Sultan di 'Chinatown' sebagai sebahagian daripada MRT Sungai Buloh-Kajang.

Sementara itu, dalam tinjauan

mesra tahunan sempena sambutan Tahun Baru Cina dan Hari Wilayah Persekutuan, Ahmad Fuad mengambil kesempatan beramah mesra dengan peniaga serta pengunjung.

Beliau berkata, DBKL memasang

11,000 tanglung di sekitar Kuala Lumpur termasuk 460 di Jalan Petaling.

Selain itu, katanya, orang ramai boleh membeli bendera Wilayah Persekutuan di kaunter bayaran DBKL pada harga RM8. - BERNAMA